Impian Buat Watanku

Rakyat menyampaikan ucapan cinta serta harapan mereka kepada Singapura sempena SG50.

Cik Rossilah Mardan
pemandu treler yang telah menyambut hari lahirnya pada 18 Mac

"Apabila anak-anak saya sedar yang saya lahir pada tahun 1965, mereka cakap 'Mak sama baya dengan Singapura' dan saya pun katalah memang saya bangga usia saya sama seperti Singapura, memang saya membesar sama-sama dengan Singapura dan dapat merasakan perubahannya. Saya harapkan semoga negara kita bertambah maju, terutama sekali untuk anak-anak yang nanti akan membesar.

Encik Zulfadli Yazab
24 tahun, pelajar jurusan perniagaan di SIM

"Semoga Singapura kekal aman dan maju, seiring dengan kehendak ekonomi agar kekal berpengaruh di mata dunia. Malah, menjadi bangsa yang berpendidikan lagi berakhlak mulia.

"Saya ingin mengucapkan Selamat Ulang Tahun yang ke-50, Singapura. Selama 50 tahun ini, kami semua dapat hidup dalam keadaan yang selamat dan menikmati pelbagai kemudahan yang tersedia. Cuma, saya harap kos perubatan dapat diturunkan agar semua lapisan masyarakat dapat terus menampung kos perubatan mereka di masa depan.

Cik Zarinah Mohd
42 tahun, kerani

"Saya harap rakyat Singapura akan memperuntukkan masa bagi melihat keindahan negara ini dan bukan sekadar sibuk membelek telefon bimbit sahaja. Ambil laluan yang berbeza untuk ke kerja sekali-sekali atau jadi pelancong di negara sendiri dengan meneroka tempat yang jarang anda pergi di Singapura. Saya pasti anda akan teruja dengan apa yang anda lihat!

Dalam masa 50 tahun akan datang, saya juga berharap rakyat Singapura akan terus berusaha untuk melihat perubahan yang mereka inginkan.

Cik Noorul Raaha As'art
33 tahun, pemegang ijazah King's College London

"Singapura masih muda. Tetapi dalam masa 50 tahun, kita telah mengecapi pelbagai kemajuan. Saya berharap Singapura akan terus memperkukuh dasar kepelbagaian budaya dan pada masa yang sama menjadi masyarakat yang lebih inklusif dengan memahami dan menerima perbezaan dalam masyarakat kita. Semoga Singapura akan terus mengecapi lebih banyak kejayaan yang membanggakan pada masa-masa akan datang!

"Singapura memang sebuah negara yang selesa dan kehidupan kita di sini juga aman. Kalau 50 tahun sahaja kita sudah dapat berada di sini, sudah tentunya keadaan akan semakin bertambah baik dari segi taraf kehidupan dan keharmonian. Saya rasa generasi muda akan hidup dalam Singapura yang lebih baik daripada sekarang.

Cik Rohani Abdol Kadir
pegawai sumber manusia (HR) yang menyambut hari lahirnya ke-50 April lalu

Encik Mohamed Faizul Abdul Kader
41 tahun, pemandu teksi

"Saya harap Singapura akan terus selamat, aman damai dan maju jaya dalam masa 50 tahun lagi. Saya juga harap agar rakyat lebih makmur supaya mereka terus mampu menaiki teksi.

"Semoga rakyat Singapura yang berbilang bangsa dan agama hidup bersatu padu di negara Singapura yang maju, makmur serta bertaraf tinggi.

Cik Zainab Binti Bahari
55 tahun, jurutera kanan, Sembcorp Marine-Admiralty Yard

Encik Haizad Imram
37 tahun, pelakon dan Jururawat Psikiatrik Masyarakat dengan pasukan Kesihatan Mental Masyarakat di Institut Kesihatan Mental (IMH)

"Nenek saya sudah melihat kemajuan Singapura sepanjang 50 tahun ini, daripada zaman penjajahan hinggalah kemerdekaan. Harapan saya ialah semoga Singapura mencatat kemajuan lebih baik bagi kesenangan generasi perintis, masa kini dan akan datang. Mudah-mudahan kemakmuran yang dikecapi dapat diraih buat tempoh 50 tahun mendatang. Yang penting, Singapura kekal aman dan tenteram.

Cik Hamimah Kasmin, 38 tahun, penyelaras pusat pendidikan, yang secara kebetulan 50 tahun lebih muda daripada neneknya, **Cik Raepah Dollah,** 88 tahun

grafik **HAZAMI HAMIDON**